

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Pengetua mengakhiri ucapan beliau dengan _____ pantun.
A sebaris C senaskhah
B sebuah D serangkap
2. _____ peserta rombongan ke Melaka dikehendaki supaya berkumpul di dewan sekolah pada pukul 11.00 pagi esok.
A Segala C Setiap
B Seluruh D Setengah
3. Di tepi kebun buah Pak Deris ada _____ anak sungai.
A sekaki C sebidang
B sebuah D sebatang
4. Encik Azhar menghadiahkan _____ cincin berlian yang dibelinya di Kelantan kepada isterinya.
A seutas C sebutir
B sebertuk D sepucuk

Soalan 5 – 8

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Pelbagai acara telah diatur bersempena
A
dengan sambutan Hari Kemerdekaan negara
B
yang akan diadakan berapa hari lagi.
C
Tiada kesalahan.
D
6. Para pekerja di Petrosains melayan semua
A B
pengunjung-pengunjung yang berkunjung ke situ pada setiap hari dengan mesra.
C
Tiada kesalahan.
D
7. Ketiga orang remaja yang hilang di kawasan
A
hutan itu ditemukan di dalam sebuah rumah
B
usang di tepi sebatang sungai.
C
Tiada kesalahan.
D
8. Kakak menjahit beberapa butir manik
A
pada sehelai selendang dengan menggunakan
B
selembar benang. Tiada kesalahan.
C D

Praktis PT3 Bahagian B

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Hampir satu suku jam kami menunggu bas ke Putrajaya.

2. Sudah berpuluh tahun lamanya Encik Hamid dan keluarganya tinggal di rumah pusaka itu.

3. Segerombolan kerbau sedang berkubang di tengah bendang di belakang rumah Tok Wan.

4. Sebilangan orang penduduk yang tinggal di tepi sungai itu sudah mula berpindah ekoran hujan lebat turun sejak semalam.

5. Program kemasyarakatan yang diadakan ini dapat memupuk perpaduan dalam sebuah masyarakat yang pelbagai kaum.
